

**Adat Perpatih : Perlantikan Undang Luak
Sungai Ujong.**

Siti Zaharah Bte. Padzil

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk
menentukan sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda
Undang-Undang dengan kepujian.**


**Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia**

1991

PENGAKUAN

Selain yang dinyatakan, latihan ilmiah ini adalah hasil kajian sendiri.

Tarikh: 11.4.1991

Tandatangan: 

0200017814

Penghargaan.

Kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa adanya sokongan dan galakan yang diberi oleh pihak-pihak tertentu.

Pertamanya saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada penyelia iaitu Ust. Abdul Monir b. Yaacob. Beliau banyak membantu dari segi penulisan dan memberikan komen-komen yang membina terhadap kajian ini.

Keduanya, ucapan terima kasih kepada Setiausaha Jawatakuasa Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan, Tuan Haji Muhammad Taino dan pembantunya Yati, tanpa bantuan mereka berdua, penulis akan mengalami kesukaran mendapatkan bahan-bahan bertulis.

Seterusnya kepada Dato'-Dató' Lembaga Luak Sungai Ujong yang membantu penulis menghuraikan masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Istimewa untuk keluarga, terima kasih di atas pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama ini.

Akhir sekali buat teman-teman
seperjuangan, terima kasih di atas pengertian dan
pesahabatan yang diberikan semoga kalian bertemu
dengan apa yang kalian cari.,

Sinopsis

Adat Perpatih adalah merupakan satu sistem Adat yang berunsur demokrasi. Ini dapat dilihat dari segi pemilihan Ketua-Ketua Adat, yang mana ianya berlandaskan kepada kata muafakat dan bermesyuarat.

Kini, istilah demokrasi itu telah dicemari oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam usaha mereka untuk mendapatkan pangkat dan kuasa. akibat dari tindakan yang sebegini, rata-rata masyarakat, khususnya penduduk Negeri Sembilan mulai ragu dengan kemurnian adat itu.

Synopsis.

Adat Perpatih is a form of custom which practices democracy. This is evidence by the election of heads of the custom. A full consensus and mutual agreement by the people ensures the election of these heads.

However, the leniency of democratic system has led to it being tainted by the act of certain parties who are deadly ambitious in obtaining power. Due to their capricious ways, the people of Negeri Sembilan are losing confidence in the efficacy of this custom.

BAB 1 : PENGERTIAN ADAT DAN ADAT PERPATIH.

1.1	KEMUNCULAN ADAT PERPATIH DAN HUBUNGAN- NYA DENGAN MINANGKABAU	1
1.2	PENGERTIAN ADAT	4
1.3	PENGERTIAN ADAT PERPATIH	11
1.4	ADAT YANG SEBENAR ADAT	15
1.5	ADAT YANG TERADAT	17
1.6	ADAT YANG DIADATKAN	19
1.7	ADAT ISTIADAT	20
1.8	TUMBUHNYA ADAT PEPATIH	22

BAB II : LATAR BELAKANG SEJARAH SUNGAI UJONG

2.1	: KEDUDUKAN	32
2.2	: SEJARAH	34
2.3	: PENDUDUK ASAL	37
2.4	: KEWUJUDAN SISTEM PEMERINTAHAN BERUNDANG DAN BERLEMBAGA	42
2.5	: ORANG-ORANG BESAR SUNGAI UJONG	51

BAB III : PERLANTIKAN UNDANG LUAK SG. UJONG

3.1	: PENDAHULUAN	54
3.2	: CARA PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG,	
3.3	: KRISIS PERLANTIKAN	61
3.4	: KESIMPULAN	87

**BAB IV : FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KONFLIK DAN
KESIMPULAN.**

4.1	: MUKADIMAH	89
4.2	: FAKTOR-FAKTOR	89
4.3	: IMPLIKASI	108
4.4	: KESIMPULAN DAN PENUTUP	121

SENARAI KES

1. Dato' Menteri Othman b. Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus : 1981 1 MLJ 29

SENARAI SINGKATAN.

1. JMBRAS : Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society.
2. PERMANIS : Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan

SENARAI LAMPIRAN.

1. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Dato' Shahbandar Dato' Shaari b. Hj. Hassan.
2. Surat pemberitahuan tentang siapa yang berhak melantik dan mengisytiharkan undang baru Luak Sungai Ujong ke 10.
3. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.
4. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Pemangku Dato' Andika, Abdul Malek b. Joned.
5. Surat Dato' Maharajalela Zamhari b. Haji Abdul Rahman kepada Dato' Lembaga.
6. Jemputan menghadiri majlis perlantikan Raja Abdul Rahim Raja Razak sebagai undang Luak Sungai Ujong ke 10.
7. Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

PENDAHULUAN.

Adat Perpatih adalah satu cara hidup asli orang melayu, diamalkan oleh masyarakatnya di Negeri Sembilan dan di kawasan-kawasan sekitarnya. Adat itu hidup hingga sekarang bukan sahaja kerana keasliannya, ciptaan nenek moyang dulukala, tetapi juga ialah kerana konsep-konsep dah lunas-lunas adat itu sebahagian besarnya boleh menjadi pegangan hidup, sekalipun dalam zaman pembangunan ini, di mana masyarakat bersifat dinamis, hidup berlumba-lumba ke arah pembaharuan untuk mencapai kemajuan. Adat Perpatih tidak menggalakkan masyarakatnya hidup berpecah belah dan sentiasa dalam pertelingkahan. Pepatahnya berkata, "Tuah hidup pada seia sekata dan celaknya pada silang sengkita."

Apa yang berlaku di Luak Sungai Ujung ini seolah-olah menggambarkan tiadanya seia sekata di dalam menjalankan pentadbiran Adat.

Penulis membahagikan kajian ini kepada empat bab. Di dalam bab yang pertama, penulis menghuraikan tentang konsep adat serta pengertian adat dan juga penulis menghuraikan tentang

kemasukan dan hubungan di antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan.

Di dalam bab kedua, penulis menghuraikan tentang sejarah dan asal usul Luak Sungai Ujung. Di dalam bab ini juga dinyatakan tentang Datuk Perpatih Nan Sebatang dan pembesar-pembesar di Negeri Sembilan.

Manakala bab tiga pula adalah merupakan intipati kajian penulis. Di dalam bab ini penulis mengkaji siri demi siri yang membawa kepada tercetusnya konflik di Luak Sungai Ujung.

2. LATAR BELAKANG SEJARAH SUNGAI UJONG.

2.1 Kedudukan.

Sungai Ujong adalah sebuah daerah yang terletak di Negeri Sembilan. Jikalau dilihat dengan teliti di dalam peta Negeri Sembilan, nescaya tidak akan berjumpa dengan nama Sungai Ujong. Ini disebabkan pada hari ini, daerah Sugai Ujong dikenali dengan nama Seremban. Nama Sungai Ujong hanya tinggal kepada gelaran Dato' Kelana Putera iaitu Undang Luak Sungai Ujong.

Sungai Ujong ialah sebuah daerah terbesar dan tertua di antara kumpulan daerah-daerah di Negeri Sembilan. Sungai Ujong bersempadan dengan daerah Jelebu di sebelah utara, daerah Port Dickson di sebelah selatan, daerah Kuala Pilah dan daerah Rembau disebelah timur dan disebelah barat bersempadan dengan sebahagian Negeri Selangor.

Kawasan Sungai Ujong pada masa dahulu adalah sangat luas, beberapa buah tempat di dalam wilayah Selangor hari ini dahulunya adalah terletak dalam kekuasaan Sungai Ujong. Tempat itu

ialah Kajang, Semenyih, Beranang dan beberapa kampong lain yang kecil-kecil.¹

Apabila British campurtangan di dalam pemerintahan Selangor, semua kawasan ini telah di ambil oleh Selangor, misalnya pada tahun 1878, melalui satu perjanjian sempadan yang telah ditan-datangani di antara Sungai Ujong dengan Selangor, Lukut telah di serahkan kepada Sungai Ujong manakala kawasan Beranang Hilir hingga ke bahagian utaranya telah diserahkan kepada Selangor.²

Selain daripada kawasan-kawasan ini Sungai Ujong juga meliputi beberapa kawasan penting seperti Linggi, Pantai, Terachi, Ulu Klawang, Rantau dan Siliu. Bagaimanapun kawasan Terachi dan Ulu Klawang kemudiannya telah menuntut kemerdekaan dari Sungai Ujong.³

Sungai Ujong pada masa dahulu adalah sebuah bandar yang sibuk. Ini disebabkan di Sungai Ujong terdapat kawasan-kawasan yang kaya

-
1. Abd. Samad idris : Negeri Sembilan dan Sejarahnya, penerbitan Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, halaman 50
 2. J.M. Gullick, "Sungai Ujong", JMBRAS, Vol.22 1949, hal 3
 3. Ibid, hal.4

dengan hasil bijih timah berbanding dengan kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan. Kawasan perlombongan yang terpenting di Sungai Ujong ialah di Sala, Sa Marabah, Batu Lobong, Kayu Ara, Temiang dan Ampangan. Perkembangan ini telah mendedahkan Sungai Ujong kepada beberapa siri pergolakan politik dalam pertengahan abad ke 19, yang akhirnya membawa kepada campurtangan pihak Inggeris.

2.2 Sejarah Sungai Ujong.

Di dalam mengkaji tentang Sungai Ujong, perkara yang sering ditimbulkan ialah dari manakah Sungai Ujong mendapat nama. Ini disebabkan jika dibuat penelitian di dalam peta, tidak terdapat sebatang sungai pun yang bernama sungai ujong, mengapakah kawasan itu diberikan nama sedemikian rupa. Apakah signifikasi dan kerelevanannya sehingga Sungai Ujong mendapat nama.

Terdapat berbagai-bagai cerita tentang bagaimana Sungai Ujong mendapat nama. Tetapi cerita yang munasabah dan ada logiknya ialah perkataan Sungai Ujong berasal dari perkataan

"Hyan Sg".⁴ Sebenarnya tempat asal yang dinamakan Sungai Ujong itu adalah punca atau hujung dari beberapa batang sungai yang ada kaitan rapat dengan cerita-cerita sejarah Sungai Ujong seperti Sungai Beranang, Sungai Batang Penar, Sungai Pajam dan Sungai Linggi. Semua hujung sungai ini berpunca dari satu kawasan yang boleh dianggap itulah kawasan asal yang dipanggil Sungai Ujong itu.

Terdapat juga cerita Lagenda bagaimana Sungai Ujong mendapat nama. Mengikut lagenda tersebut, pada zaman dahulu terdapat sebuah keluarga yang miskin. Keluarga ini mengandungi suami, isteri dan seorang anak lelaki. Pada suatu hari si anak tersebut telah pergi merantau dengan harapan dapat memperolehi pekerjaan yang dapat mengurangkan kemiskinan keluarganya. Si anak tersebut akhirnya bekerja dengan seorang saudagar dan diberi kepercayaan untuk mengendalikan perniagaan-perniagaan serta barang-barang dagangan saudagar tersebut. Si anak tersebut telah memperolehi kejayaan dan disamping itu juga ia telah mengahwini seorang gadis keturunan

4. Abd. Samad Idris : Negeri Sembilan dan Sejarahnya.

bangsawan. Pada suatu hari, di dalam pelayarannya, secara tidak disedarinya beliau telah sampai dikampung halamannya sendiri. Kepulangan tersebut telah dikhabarkan kepada kedua ibubapanya dan kedua-dua mereka tanpa berlengah lagi telah pergi ke kapal tersebut untuk menyambut kepulangannya. Demi melihat ibubapanya yang berpakaian compang camping dan koyak rabak, si anak merasa malu untuk mengakui kedua-dua orang tua tersebut adalah ibubapanya. Kedua-dua orang tua sangat sedih di atas perbuatan anak tersebut. Dengan perasaan sedih dan kecewa di atas sikap anaknya, si ibu lalu bermohon kepada Allah dan menyumpah anaknya menjadi batu. Akibat dari sumpahan tersebut jong berserta anak kapalnya telah bertukar menjadi batu. Dan dari lagenda jong itulah Sungai Ujong mendapat nama.⁵

Cerita lain menyatakan sebatang pokok merbau yang tumbuh di Rembau dan apabila ia tumbang, pucuknya telah melintasi Sungai. Dari hujung pokoknya Sungai Ujong mendapat nama.⁶

5. J.M Gullick : "Sungai Ujong" JMBRAS. 1949

6. Zainal Abidin b. Ahmad : The Origin of some Malay Places, JMBRAS, Vol. 3 Pt.1, 1925

Di samping itu Sungai Ujong juga disebut dengan nama lain seperti "Sang Hyang Ujong" sebagaimana terdapat dalam babad Jawa Negara Kretagama. Sening Ujong, sebutan yang terdapat di dalam Sejarah Melayu manakala orang-orang tua memanggilnya sebagai Semujong.

Dalam usaha menentukan bagaimanakah Sungai Ujong ini mendapatkan nama timbul berbagai-bagai percanggahan pendapat. Ada yang bersetuju dengan cerita hujung pokok dan ada yang mengatakan ia berasal dari jong yang telah disumpah. Sungguhpun begitu, nyata ramai yang berpendapat bahawa nama Sungai Ujong berasal dari peristiwa jong yang telah disumpah menjadi batu. Lama kelamaan Sungai Jong itu telah ditukar namanya kepada Sungai Ujong dan hari ini dikenali sebagai Seremban.

2.3 Penduduk Asal.

Sebelum kedatangan masyarakat minangkabau ke Sungai Ujong, kawasan ini telah didiami oleh orang Asli atau di panggil juga sakai

dari kelompok Semang, Jakun, dan orang Laut.⁷ Adalah dianggarkan masyarakat orang Asli ini telah mendiami Sungai Ujong sejak 10,000 tahun lalu.⁸ Kelompok masyarakat melayu yang pertama mula mendiami Sungai Ujong seawal-awalnya dalam abad ke 15 bersamaan dengan kedatangan Iskandar Shah (Paremeswara). Menurut sejarah melayu Iskandar Shah telah berpindah dari Biawak Busuk ke Kota baluk dan terus ke Senning Ujong (Sungai Ujong). Di sana baginda melihat tempat itu elok lalu baginda meninggalkan seorang menteri di sana. Dalam zaman Sultan Mansur Shah, Dato Seri Nara Di raja Tun Ali telah dianugerahkan Sungai Ujong.⁹ Ini bermakna Sungai Ujong telah didiami sejak abad ke 15 lagi.

Apabila orang-orang minangkabau mula berhijrah ke Tanah Melayu khususnya ke Sungai Ujong wujud masyarakat baru. Orang-orang minangkabau mula menjadi penduduk tetap Sungai Ujong akibat dari perkahwinan dengan penduduk

7. Abdul Samad Idris, *Op.cit*, hal.8, Martin Lister, *Malay Law In Negeri Sembilan*, JSBRAS, no.22, 1890, hal.10.

8. Iskandar Cavey, Orang Asli, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1976, hal.13

9. R.O Winstedt, Sejarah Melayu, Singapore, 1957.

tempatan. Sebelum kedatangan masyarakat minangkabau Sungai Ujong masih belum diteroka secara meluas. Orang Asli hanya mendiami kawasan-kawasan pendalaman, sementara kawasan Sungai Ujong yang ada sekarang masih belum berpenghuni.

J.M. Gullick berpendapat pada zaman Kesultanan Melaka telah bertapak segolongan kecil klas pemerintahan yang bergantung kepada mereka. Pemerintah dari Melaka ini membawa masuk peneroka-peneroka melayu untuk membuka Sungai Ujong. Orang-orang pindah masuk ini datang dengan kumpulan-kumpulan kecil dan berkahwin dengan masyarakat tempatan dan membentuk masyarakat yang dipanggil Biduanda, dan dalam sesetengah keadaan dipanggil Sakai.

Apabila kerajaan Melaka tumbang ditangan Portugis pada 1511, ramai orang-orang melayu berpindah masuk ke pendalaman termasuk Sungai Ujong. Pada masa yang sama masyarakat minangkabau

mula datang beramai-ramai ke Sungai Ujong.¹⁰ Mereka telah membawa bersama-sama mereka adat Perpatih yang di amalkan di Sumatra. Sudah menjadi tradisi masyarakat minangkabau untuk menggalakkan golongan muda terutama belia untuk pergi merantau. Perkahwinan campur dengan penduduk tempatan telah mewujudkan Suku-suku tertentu yang di asaskan kepada tanah asal mereka.

Orang-orang Asli pula dianggarkan telah datang seawal-awalnya 25, 000 tahun dahulu dan ada pula pendapat yang mengatakan 8,000 tahun dahulu¹¹ mereka adalah dari kelompok mangkol dan kaum yang teramai menetap di Negeri Sembilan (Sungai Ujong) adalah dari kelompok Jakun yang dipanggil Nehtera dan Biduanda. Ini bermakna orang Asli telah mendiami Sungai Ujong sebelum kemasukan orang-orang minangkabau kerana kedatangan mereka sejajar dengan zaman batu pertama bila gerombolan penghijrahan masyarakat orang Asli dari Tibet.

10. R.J. Wilkinson - Notes on The Negeri Sembilan, dalam Paper on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur 1911. hal 11 - 13.

R.O Winstedt - JMBRAS, Vol.12, 1934, hal 44-45.

11. Iskadar Carey, Orang Asli, Oxford university press, Kuala Lumpur, hal 13.

Tumpuan kependudukan mereka adalah di muara-muara sungai. Oleh itu benarlah apa yang dikatakan oleh Iskandar Shah apabila beliau melalui Senning Ujong pada sekitar 1400 yang menyatakan ia telah berpenghulu. Walaupun begitu tumpuan ini hanyalah di tepi-tepi pantai dan Sungai Linggi, sementara Sungai Ujong kekal masih belum diterokai.¹²

Dalam tahun 1828 apabila bijih timah mula dijumpai barulah orang-orang china datang ke Sungai Ujong. Adalah dianggarkan pada tahun tersebut terdapat 1,000 orang china yang menetap dan bekerja sebagai pelombong di Sungai Ujong.¹³ Angka ini telah meningkat ke 15,000 orang pada tahun 1874. Walaupun begitu mereka bukanlah penduduk tetap, kerana jika ada lombong yang lebih baru, mereka akan ke sana. Kedatangan mereka hanyalah sementara dan mereka hanya hidup dalam kelompok mereka sahaja. Sukar untuk ditentukan samada mereka berkahwin dengan penduduk tempatan atau tidak.

12. Ooi Jin Bee, Bumi, Penduduk & Ekonomi di Tanah Melayu, DBP, Kuala Lumpur, 1968, hal 110

13. Khoo Kay Kim, The Western Malay States, 1856 - 73. Oxford university Press, Kuala Lumpur, 1972, hal.46

Orang-orang India pula mula sampai apabila Inggeris membuka ladang-ladang getah diakhir kurun ke 19. Mereka menjadi buruh-buruh ladang dan merupakan tenaga penting dalam pembinaan jalanraya dan landasan keretapi. Sepertimana orang-orang China, kemasukan orang-orang India ini juga adalah bersifat sementara. Kehidupan mereka juga agak tertutup dan tidak berlakunya perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Sikap bergaul dalam kelompok sendiri menyebabkan mereka tidak berminat dengan kelompok lain.

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan Sungai Ujong pada masa dahulu didiami oleh orang-orang Jakun. Mereka bolehlah dikatakan penduduk asal berbanding dengan orang-orang China dan India yang kependudukan mereka bersifat sementara.

2.4 Kewujudan sistem pemerintahan dan Berundang dan Berlembaga.

Kewujudan sistem ini adalah hasil dari kemasukan orang-orang minangkabau. Walaupun di awal sebelum kemasukan mereka iaitu di zaman pemerintahan Sultan Melaka telah ada segolongan kecil klas pemerintahan yang bergantung kepada

kerajaan Melaka. Apabila Melaka ditawan oleh Portugis, hubungan ini tidak terhenti begitu sahaja. Pemerintah-pemerintah ini telah berpindah ke Johor dan mendirikan kerajaan di sana. Setelah beberapa lama kerajaan Johor berada di dalam keadaan yang lemah. Ini adalah disebabkan oleh serangan-serangan yang dibuat oleh Portugis dan kemudiannya oleh Belanda, selain dari orang Bugis. Pada masa tersebut orang-orang minangkabau telah mula bertapak di Negeri Sembilan. Ada sebahagian dari mereka yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan dengan perkahwinan ini lebih mengukuhkan lagi kedudukan mereka di Negeri Sembilan.

Apabila kerajaan Johor bertambah lemah, maka orang-orang minangkabau yang semakin bertambah ramai telah meminta restu dari Sultan Johor untuk menjemput seorang raja dari Pagar Ruyong, minangkabau dan menubuhkan sebuah kerajaan yang berasingan dari Johor. Permintaan ini telah diperkenankan oleh Sultan Johor dan pada tahun 1773 sebuah kerajaan yang baru telah dibentuk. Kerajaan yang baru ini dinamakan Negeri Sembilan dan rajanya yang pertama bernama Raja melewar. Disebabkan adanya sebuah kerajaan yang dibentuk

oleh orang-orang minangkabau sendiri maka Adat Perpatih terus dipakai sebagai wadah pentadbiran sebuah kerajaan, lengkap dengan segala peralatan pentadbiran.

Setelah kerajaan Negeri Sembilan ditubuhkan maka sistem pemerintahan/pentadbiran pun disusun di mana Adat Perpatih telah di jadikan sebagai satu peraturan dalam sistem pemerintahan negeri. Sistem pentadbiran ini diungkap dengan pepatah:

*Berjingjang naik bertangga turun
Anak buah beribu bapa
Suku berlembaga
Luak berpenghulu
Alam beraja.*

Dalam sistem pentadbiran ini kampung-kampung yang telah diteroka dan di diami, dibahagikan kepada beberapa buah kampung yang dipanggil suku atau waris,¹⁴ ketua bagi suku atau kelompok ini dipanggil lembaga dan setiap suku ini pula mempunyai beberapa buah keluarga yang dipanggil Buapak. Buapak ini dipilih oleh suku dari persetujuan Buapak inilah Dato Lembaga dilantik. Inilah yang dikatakan 'berjingjing naik,

14. Tan Sri Samad Idris : Adat Perpatih : Mingguan Malaysia, September 1989.

bertangga turun' iaitu membuat pemilihan bagi menentu dan melantik ketua, dari Buapak, Lembaga dan penghulu (undang) yang akhirnya raja. Dalam kata-kata adatnya disebut:

*Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja.*

Siapakah yang dikatakan lembaga? Lembaga ialah ketua bagi setiap suku, dengan setiap seorangnya mempunyai gelaran tertentu. Kedudukan mereka dalam pentadbiran adat diibaratkan sebagai:

*"Yang tumbuh dilereng bukit
Sebagai beluluk tumbuh dirusuk"*

Lembaga berfungsi mentadbirkan sukunya dan menyelesaikan masalah-masalah yang berhubungan dengan adat, harta, penceraian, pertelingkahan dan sebagainya. Perlantikan lembaga adalah seumur hidup. Namun ia boleh dipecat oleh anak buah jika melakukan salah satu dari kesalahan-kesalahan di bawah:

*"Melindungi, mengendapkan
pecah, menghilangkan
mencacatkan
terkurung mati"*

undang juga boleh memecat seseorang lembaga jika ia didapati:

"derhaka, celaka
dahaga dahagi
 , bakar
tikam bunuh
lepas racun
sumbang salah"

Pepatah lain mengatakan:

"Ketua suku dipanggil Datu Lembaga
Lembaga Berpesaka
Raja Berkebesaran"

Kebesaran Lembaga ini dinamakan pesaka. Ini kerana pesaka itu terbit dari kebesaran suku yang dipunyai oleh waris perempuan. Apabila hilang atau matim seseorang Lembaga itu, maka pesaka berkenaan akan diberikan kepada waris dan akan disandangkan pula oleh orang yang mempunyai hak giliran dalam waris itu dengan sokongan waris melalui satu pilihanraya atas prinsip "setia sekata".¹⁵

Bagi jawatan undang pula, pada peringkat awalnya gelaran bagi undang ialah penghulu. Tidak diketahui kenapa nama penghulu ditukar kepada

15.; wujudnya untuk kebaikan dan bawa kenteteraman, Berita Harian, November 1985.

undang dan dari mana perkataan undang di ambil masih lagi menjadi satu persoalan dan belum ada ahli sejarah membuat penyelidikan dan menulis mengenainya.¹⁶ Gullick, walaupun begitu berpendapat bahawa perubahan ini berlaku antara tahun 1730-1835.¹⁷

Bagi jawatan undang hanya suku Biduanda sahaja yang berhak menyandanginya. Ini adalah kerana suku Biduanda adalah penduduk asal Sungai Ujong. Terdapat dua pendapat yang berbeza mengenai suku Biduanda ini. Pendapat pertama datangnya dari Samad Idris yang menyatakansuku Biduanda berasal dari perkahwinan Bendahara Sekudai dengan Batin Sibul Jaya, berketurunan orang Asli.

Pendapat yang kedua pula menyatakan suku biduanda merupakan keturunan Bendahara Kerajaan Melayu Melaka.¹⁸ Walaupun terdapat percanggaha antara keduanya namun bolehlah dibuat kesimpulan bahawa suku biduanda merupakan penduduk tetap di Sungai

16. Tan Sri Samad Idris : Adat Perpatih, Mingguan Malaysia, September 1989.

17. Gullick, JMBRAS, 1974

18. Abas Haji Ali : Rembau. Sejarah Perlembagaan & Adat Istiadat, Seremban 1953.

Ujuong yang berkahwin dengan pembesar kerajaan melayu, kerana kedua-dua mereka menekankan peranan Bendahara dalam menentukan suku ini.

Bendahara Sekudai, dari perkahwinannya dengan Batin Sibu Jaya telah memperolehi empat orang anak. Mereka ialah Mohammad Tumbo atau To'Tumbo, To musang yang melahirkan keturunan Datuk Kelana, To'Semerga yang melahirkan keturunan Datuk Bandar dan to'Seri mani yang menjadi keturunan Datuk Andulika Mendelika.¹⁹ To'Tumbu dan to'Seri mani dan to'musang melahirkan waris di Darat dan membuka perkampungan di pantai. Waris Di Darat ini juga dikenali sebagai waris kelana dan mereka diketuai oleh Datuk Andulika mendulika sebagai lembaga. Beliau menjaga aturan adat dan perlantikan undang dan merupakan Tua waris di Darat. Walaupun begitu beliau tidak berhak untuk menjawat jawatan undang.

Dari keturunan Bendahara Sekudai ini juga selain melahirkan waris di Darat juga melahirkan waris di Air. Ini diwakili oleh keturunan To'Semerga dan di beri gelaran Dato' Seri Maharaja Di Raja. Gullick telah menulis

19. Samad Idris, Op.cit, hal 58

bahawa To'Semenga mempunyai 5 orang anak iaitu To'Sulong, Dato Keling, To'Susu Tunggal, To'susu Ganda dan To'Susu Dara.²⁰ Ini bermakna pesaka Dato Bandar hanya boleh digilirkan hanya kepada empat perut sahaja iaitu Perut To'Sulong, Perut To'Susu Dara, perut To'Susu Tunggal dan perut To'Susu Ganda.²¹ Perut Dato' Keling tidak berhak terhadap pesaka kerana nisab keturunan adalah dikira dari sebelah perempuan, walaupun Dato Keling terkeluar dari tuntutan terhadap pesaka namun masih lagi menjadi suku Binduanda.

Sebagaimana yang telah dijelaskan diawal tadi, terdapat dua waris di Sungai Ujong iaitu waris Di Darat dan Waris Di Air. Ketua bagi waris Di Air ialah Dato Bandar sementara bagi waris Di Darat pula ialah Dato' Kelana Putera. Sebenarnya kedua waris itu, di darat dan di Air, berasal dari satu keturunan, cuma hak dan pangkat pesaka adatnya sahaja yang berlainan yang hanya akan ditentukan peraturan yang teradat. Waris Di Darat dan waris Di Air diumpamakan "mata hitam dan mata putih" menatang bersama telur nan sebiji (pesaka).

20. J.M. Gillick : *Op.cit*, hal 38.

21. : Berita Harian, Februari 1987.

Waris di Darat terbahagi kepada dua bahagian iaitu waris di Hulu dan waris di Hilir. Pesaka Undang Luak Sungai Ujong hanya boleh disandang oleh dua waris ini sahaja, dan hanya dari kampung pantai. Ini adalah disebabkan pesaka undang Kelana adalah kepunyaan orang-orang kampung pantai, bukan kampung-kampung lain dalam wilayah Sungai Ujong. Pesaka kelana adalah hak dan kepunyaan waris yang tersedia di Pantai dan bukan kepunyaan waris mendatang atau waris lingkungan.

Waris di Hilir adalah dari dua perut-perut kampung Gedang yang juga perut asal dan tersedia perut kedua ialah perut dari kampung Manggis yang disebutkan sebagai perut mendatang dan diakui sebagai waris lingkungan bagi kampung Gedang. Perut ini berasal dari kampung-kampung Beranang, Setur dan Mantin yang datang ke Pantai ketika mereka dijemput yang kemudiannya diakui sebagai waris lingkungan dan waris di Hilir.²²

Semua waris kelana dari Di Hulu adalah dibawah kuasa Datuk Lembaganya yang bergelar Datuk Shah Johan Lela Perkasa Setiawan, Sementara bagi

22. Ghazali Abd. Kadir : Asal-usul luak Sungai Ujong, Berita Harian, Disember 1985

waris di Hilir pula adalah di bawah kuasa Datuk Seri maharaja Lela. Bagi waris di Darat, jika sebarang kekuatan berlaku di dalam lingkungan waris mereka, maka adalah menjadi tanggungjawab Datuk-datuk Lembaga tersebut untuk menyelesaikan. Andaikata masalah tersebut tidak dapat di selesaikan, barulah ia boleh di bawa ke pengetahuan Datuk Andulika Mandulika. Ini memperlihatkan tentang wujudnya tugas dan tanggungjawab yang mesti dipatuhi oleh pemimpin-pemimpin Sungai Ujong, bak kata pepatah.

undang bertapak dari warisnya
 Gemuk berpupuk segar bersiram
 Olih warisnya
 Kalau di hulu menyandang pesaka
 Datuk Johan Tua warisnya
 Kalau di Hilir menyandang pesaka
 Datok Maharaja Lela Tua warisnya.²³

2.5 ORANG BESAR SUNGAI UJONG

Orang-orang Besar Di Sungai Ujong
 terbahagi kepada lima

1). Lembaga Tiang Balai : terdiri daripada

Datuk Andika mandulika

Datuk Maharaja Di Raja

Datuk Akhir Zaman - Waris di Air

23. Temuramah dengan Dato' Johan, Dato' Razali.

Datuk Amar penghulu - merupakan seorang
 datuk di Jelevu,
 tidak terletak di
 bawah kekuasaan
 Sungai Ujong.

2). Datuk Maharaja Lela Waris di Hilir

Datuk Johar Waris Di Hulu.

3). Lembaga Tiga Di Pantai : Terdiri dari Datuk-
 datuk yang menjadi Ketua-ketua suku di pantai
 mereka ialah:

Dato Menteri dari suku Semelenggang

Dato Raja di muda dari suku Biduanda

Datuk Maharaja Inda dari suku Batu

Hampar.

Akan Lembaga yang tiga ini fungsinya
 dikenali mengikut kata-kata perbilangan adat

*"menebang kayu nan sebatang
 mencanteh akar nan sehelai
 melambuk tanah nan sebungkah
 membuka belah negeri berpenghulu"*

4). Berjenis-jenis Dato yang lain - ini terdiri
 dari Dato' Dagang Pawi, Penghulu Muda di
 labu, Dato Andatar, Dato Lela Perkasa dan
 Dato Muda Linggi.

5). Dato yang berjawatan di balai Dato Kelana dan Dato Bandar - di balai Dato Kelana ialah Dato Laksamana sementara Dato panglima Besar di balai Dato Bandar.

Sistem pemilihan ketua-ketuan adat seperti Datuk-Datuk Lembaga dan Undang berdasarkan kepada kebulatan suara 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana bermuafakat, seia sekata, kata Buapak hanya proses pemilihan itu sahaja yang berlainan antara satu luak dengan yang lain kerana "lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikan".

BIBLIOGRAPHY

BUKU

1. Abas Hj. Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadat, Seremban, 1953.
2. Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968.
3. Abdullah Siddik, Dr : Penghantar Undang-undang Adat di Malaysia. Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1975.
4. Gullick, J.M : Sungai Ujong, JMBRAS 1949

: Sistem Politik Bumiputera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
5. Hooker, MB : Readings in Malay Adat law Singapore, University of Singapore Press, 1970.
6. Iskandar Carey: Orang Asli, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976.

7. Khoo Kay Kim : The Western Malay States,
Oxford University Press, Kuala
Lumpur 1972.
8. Lister, Martin : Malay Law in Negeri
Sembilan, JSBRAS, 1890.
9. Nordin Selat, Dr : Sistem Sosial Adat
Perpatih, Utusan Melayu, Kuala
Lumpur, 1976.
10. Ooi Jin Bee; Bumi, Penduduk dan ekonomi Tanah
Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur, 1968.
11. Taylor, E.N. : Customary Law of Rembau,
JMBRAS, 1929.
12. Winstedt, R O : Sejarah Melayu, Singapura
1957.
13. Winstedt, R O : Negeri Sembilan, The History,
Polity and Belief of Nine States,
JMBRAS, 1934.
14. Wilkinson, R J : Notes on the Negeri
Sembilan, Paper on Malay Subjects,
Government Press, Kuala Lumpur,
1911.
15. Zainal Abidin b. Ahmad : The Origin of some
Malay Place Names, JMBRAS, 1925.

KERTAS KERJA.

1. Abdullah b. Hj. Siddik, Dr : Adat dan Modenisasi, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
2. Abdul Samad Idris, Tan Sri Dato : Secebis mengenai Adat Perpatih, Seminar Adat Perpatih, PERMANIS, UKM, 1988.
3. Taha Hj. Abdul Kadir, Prof. Madya : Dilema yang wujud dalam masyarakat Adat Perpatih masa kini, Seminar Adat Perpatih, PERMANIS, UKM, 1988.
4. Nordin Selat : Pemimpin dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
5. Md. Sharif b. Fakeh Hassan : Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya dengan Minangkabau, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.

6. Samad Idris, Tan Sri : Kemurnian dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.

Artikel :

1. Abdul Kadir Yusof : Mengenal Adat Perpatih, Dewan Masyarakat, April, 1972.
2. Ghazali Abdul Kadir : Asal Usul Luak Sungai Ujung, Berita Harian, Disember, 1985.
3. Mohammad Ibrahim, Kemanakah Hilangnya Kemuafakatan Adat, Berita Minggu, 1985.

Laporan Akhbar :

1. Berita Harian :
 - 15. 11. 1985
 - 16. 11. 1985
 - 11. 12. 1985
 - 14. 12. 1985
 - 17. 12. 1985
 - 19. 12. 1985
 - 21. 12. 1985
 - 3. 7. 1986

10. 9. 1986

6. 1. 1987

28. 1. 1987

14. 4. 1987

3. 7. 1987

2. Berita Minggu : 9. 3. 1986

22. 12. 1988

Wawancara

1. Dato Johan Dato Razali b. Abdul Khalid

Tua Waris Perut Hulu

Batu 8, Labu

Seremban

Negeri Sembilan

2. Dato Andika Mendelika Fadzil b. Nordin

Tua Lembaga Luak Sungai Ujung

Batu 7, Kampung Pantai

71770 Seremban

Negeri Sembilan

3. Tuan Haji Ghazali
Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang
Wisma Negeri
Seremban.

Dato' Maharaja Lela,
Zamhari bin Haji Abdul Halman,
Tua Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5, Kampung Baru Pantai,
Seremban,
NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1406... 17 صفر

21hb. Oktober, 1986

Qauluhu 'l-hak

Y.A.H.,
Dato' Shahbandar Sungai Ujong,
Dato' Sha'ari bin Haji Hassan,
Balai Shahbandar,
Kampung Bolangkan,
NEGERI SEMBILAN.

Per: PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG YANG KE-10

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahawa saya Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana, adalah dengan takzim menyusulkan warkah ini sebagai lanjutan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada Dato' pada 29hb. Jun, 1985.

2. Berpandukan kepada peraturan 'adat istiadat' Luak Sungai Ujong dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 serta berpandukan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada setiap yang terlibat dalam perkara perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini bahawa dari segi peraturan 'adat istiadat' Luak Sungai Ujong sebagai Tua Lembaga Waris Kelana saya memperakukan bahawa pesaka itu masih tetap dihilir atas sebab musabab yang ditentukan oleh 'adat, keadaan dan keadilan yang diselaraskan dari kata-kata 'adat yang berbunyi:-

" Kalau membahagi sama banyak
Kalau menimbang sama berat
Kalau menghukum biar 'adil."

Firman Allah:-

إِنَّ اللَّهَ بَالٍ بِمَرِّ الْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيَّاكَ لِي الْقَرِيبِ
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالنَّكَرِ وَالْبَغْيِ بِعِظَمِ لَعَلِّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Ertinya:-

Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan ke'adilan dan berbuat kebajikan memberi munaf'at kepada kaum kerabat dan melarang dari berbuat yang keji dan munjkar serta kezaliman. Dia memberi kamu pengajaran mudah-mudahan kamu mendapat peringatan."

3. Memandangkan dari sebab musabab yang timbul serta diperkuatkan oleh suasana-suasana yang berlaku dari perbuatan-perbuatan curang, khianat, percabulan, tamak dan penyelewengan oleh ketua-ketua 'adatnya sendiri menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri menyebabkan krisis perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini berlanjutan hampir masuk tahun yang ketiga; sewajarnya apa yang telah dilakukan oleh Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin yang terang-terang mencabar keutuhan Dewan Keadilan dan Undang sebagai Dewan Tertinggi Adat dinegeri ini. Beliau tanpa mematuhi sebarang peraturan Undang-Undang sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat, Beliau telah menggunakan kuasanya melaksanakan perlantikan Undang mengikut selearanya. Pada hal mengikut 'adat istiadat Luak Sungai Ujong yang sebenarnya bahawa penentuan pemilihan Undang pada dasarnya adalah ditangan Ibu-ibu Soko dan Waris-Waris. Tua Waris (iaitu saya sendiri) berperanan sebagai ketua dan saya adalah saluran pertama dalam menentukan pencalonan.

Dalam 'adat dikatakan:-

' Adat bertentu bilang beratur
 Berjenjang naik bertangga turun
 Naik dari jenjang yang dibawah
 Turun dari tangga yang diatas

Dulat anak buah menjadikan Duapak
 Dulat Duapak menjadikan Lembaga
 Dulat Lembaga Menjadikan Undang
 Dulat Undang Menjadikan Raja (Yang DiPertuan)

Undang bertapak dari Warisnya
 Gemuk berpupuk segar bersiram
 oleh Warisnya
 Kalau diHulu menyandang pesaka
Dato' Johan Tua Warisnya *

Kalau diHilir menyandang pesaka
Dato' Maharaja Lela Tua Warisnya *

Dalam 'adat saya dibantu oleh Lembaga Yang Tiga ia-itu:-

1. Dato' Menteri (Suku Semelenggang)
2. Dato' Raja Dimuda (Suku Biduanda)
3. Dato' Maharaja Inda (Suku Batu Hampar)

Akan Lembaga Yang Tiga ini fungsinya dikenali mengikut kata-kata Perbilangannya 'adatnya:-

" Menebang kayu nan sebatang
 Mencanteh akar nan selalai
 Melambuk tanah nan sebungkah
 Membuka-belah negeri berpenghulu."

4. "Olih itu apa yang ingin saya jelaskan kepada Dato' yang sebenarnya bahawa dalam soal menentukan seseorang calon Undang mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 dan mengikut Trombo Adat Luak Sungai Ujong ia ada beberapa peringkat yang mesti dilalui sebelum seseorang calon itu diisytiharkan (sila rujuk kembali) Memorandum saya kepada Dato' bertarikh pada 29hb. Jun, 1985 yang saya percaya masih ada lagi dalam simpanan Dato' Muka Surat 20-24 yang bertajuk, " Kedudukan Dan Peranan Dato' Dato' Dalam Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong ."

Olih itu adalah menjadi tugas kita bersama mematuhi setiap peraturan dari yang serendah-rendahnya sehinggalah kepada yang tertinggi-tingginya, apa lagi jika peraturan-peraturan itu telah ditentukan oleh pihak Dewan Keadilan sendiri sebagai Dewan Tertinggi Adat berasaskan peraturan-peraturan serta Undang-Undang yang sudah termaktub sebagaimana yang dijelaskan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 Bab 5 Cerai 14 (1) yang berbunyi :-

" Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau, hendaklah orang-orang yang dipilih dengan sahnya menurut 'adat' Luak mereka masing-masing."

5. SENARAI NAMA-NAMA UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

1. Dato' Kelana Rador	Tahun 1760	Perut Hulu	} 1 1/2
2. Dato' Kelana Lela	Tahun 1780	Perut Hulu	
3. Dato' Kelana Dahi	Tahun 1800	Perut Hilir	} 1 1/2
4. Dato' Kelana Kawal	Tahun 1830	Perut Hulu	
5. Dato' Kelana Sendeng	Tahun 1850	Perut Hulu	} 2 1/2
6. Dato' Kelana Syed Abd. Rahman	Tahun 1872-1881	Perut Hilir	
7. Dato' Kelana Mohd Yusof	Tahun 1881-1889	Perut Hilir	} 2 1/2
8. Dato' Kelana Ma'amor	Tahun 1889-1945	Perut Hulu	
9. Dato' Kelana Mohd Kassim	Tahun 1945-1983	Perut Hilir	} 1 1/2

Nota:

Perut Hulu telah menyandang pesaka Kelana 5 kali

Perut Hilir telah menyandang Pesaka Kelana 4 kali

